

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 33: 16 September 2024



Pasukan Berbasikal Cemerlang Sumbang 3 Emas Bantu Kontinjen UPSI Lonjak tempat ke-5 keseluruhan SUKIPT

UUM, 9 September - Walaupun baru sahaja meraikan kejayaan memenangi pingat emas pada Sabtu lepas, Ahmad Hazmi Hamdan tidak hanyut leka dibuai dengan kejayaan dan terus mengutip dua pingat emas lagi pada hari Isnin untuk kategori individu dan berpasukan. Ketika ditemui, Hazmi menyatakan sangat bersyukur atas kejayaan yang dicapai, ianya hadir dengan sokongan dari pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan universiti termasuk penasihat kelab, Mohd Shahrul Abd Wahid, jurulatih Ahmad Ritaudin Hamzah, mekanik Meor Ahmad Shahril dan juga keluarga yang banyak menyokong dari awal pembabitannya dalam sukan basikal. Ini merupakan satu lakaran sejarah serta kejayaan terbesar dan bakal menjadi penanda aras untuk legasi sukan berbasikal pada masa akan datang. Pasti kejayaan ini tidak datang dengan mudah. Sejak berakhirnya Karnival Sukan MASUM 2023 di Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) 2023, pasukan telah giat membuat persiapan secara serius dibawah kendalian Ketua Jurulatih Ahmad Ritaudin Hamzah.

Menurut penasihat Kelab Berbasikal UPSI, Mohd Shahrul Abd Wahid kejayaan yang dikecapi pada kejohanan ini atas semangat kerjasama berpasukan bermula dari keinginan yang tinggi

oleh pelumba, jurulatih, mekanik, pengurus dan pengurusan universiti untuk terus mencipta sejarah tersendiri yang bakal dikenang oleh generasi akan datang. Dalam masa yang sama ia merupakan tugas berat yang bakal menanti untuk kelab berbasikal untuk terus mengekalkan pencapaian dan terus melahirkan pelumba-pelumba yang berpotensi.

Pada kejohanan SUKIPT kali ini acara berbasikal lelaki diwakili oleh empat orang pelumba iaitu Ahmad Hazmi Hamdan, Mohamad Amin Idros, Adam Zharfan Fenner Ambrose dan Mohamad Hakimi Jirun. Nama-nama ini pastinya akan menjadi ikutan buat pelajar baharu yang terlibat dalam sukan berbasikal untuk mengikut jejak langkah kejayaan senior-senior mereka.

Pada kejohanan kali ini juga menyaksikan dua orang atlet dalam acara kayak telah memecahkan rekod kejohanan dan pastinya ianya sangat membanggakan bagi kem UPSI di kejohanan SUKIPT ini. Atlet yang dimaksudkan ialah Saudari Syahida Asyiqin Rusli dan juga Saudara Hassan Basri Ali. Secara keseluruhannya UPSI menamatkan kejohanan dwi tahunan ini di tempat ke-5 keseluruhan dari 39 universiti awam dan swasta yang turut sama bertanding. Kontinjen UPSI berjaya mengutip 13 emas, 31 perak dan 27 gangsa melalui 15 acara sukan daripada 23 acara yang disertai. Kedudukan UPSI dalam jumlah kutipan pingat hanya berada di belakang, UTM, Politeknik, UPM dan UCSI University.

SUKIPT 6 SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI Universiti Utara Malaysia 2024						
13 SEPT 2024						
KEDUDUKAN PINGAT						
6 - 14 SEPTEMBER 2024 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA						
KEDUDUKAN	INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI					
01		UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	36	20	38	94
02		UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	33	18	20	71
03		POLITEKNIK MALAYSIA	27	13	13	53
04		UCSI UNIVERSITY	15	9	4	29
05		UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	13	29	25	67
06		TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY	12	9	8	29
07		SUNWAY UNIVERSITY	11	6	7	24
08		UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	10	10	13	33
09		UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	8	2	11	21
10		UNIVERSITI MALAYSIA	7	8	9	24
11		TAYLOR'S UNIVERSITY	6	17	9	32
12		KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA	6	9	1	16
13		MULTIMEDIA UNIVERSITY	6	3	2	11
14		UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	5	6	4	15

ANALISIS PINGAT				
SUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1 OLARAGGA	3	14	8	25
2 KAYAK	3	2	3	8
3 BERBASIKAL (MTB)	3	-	-	3
4 SILAT	2	5	2	6
5 MEKANAH	2	2	2	6
6 RENANG	-	2	1	3
7 FUTSAL	-	2	-	2
8 TAEKWONDO	-	1	4	5
9 HOKI	-	1	1	2
10 PETANQUE	-	1	-	1
11 PING PONG	-	1	-	1
12 KARATE	-	-	3	3
13 BOLA SEPAK	-	-	1	1
14 BOLA TAMPAR	-	-	1	1
15 SOFEBOL	-	-	1	1
16 LAWN BOWLS	-	-	-	-
17 BADMINTON	-	-	-	-
18 SEPAK TAKRAW	-	-	-	-
19 GOLF	-	-	-	-
20 RAGBI	-	-	-	-
21 BOLA JARING	-	-	-	-
22 TENIS	-	-	-	-
23 E-SPORT	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	13	31	27	71

KARNIVAL SUKIPT 2024
6-14 SEPT 2024
ATLET MEMECAHKAN REKOD KEBANGSAAN

SYAHIDA ASYIQIN BT RUSLI
KAYAK | K1 WANITA
NEW REKOD : 47.17 S

HASSAN AL BASRI BIN ALI
MUHAMMAD NAIEM SHAHMI BIN MAHUSIN
KAYAK | K2 LELAKI
NEW REKOD : 36.40 S

JUMLAH PINGAT

13
EMAS

31
PERAK

27
GANGSA

RANKING 5

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Spring Picnic NCDRC: Sayangi dan Hargai Alam Sekitar

Tanjong Malim, 13 September

- Sebuah program dirancang supaya kanak-kanak dapat mempelajari tentang alam semulajadi supaya kanak-kanak lebih menghargai alam sekitar. Selain itu, kanak-kanak juga dapat meningkatkan kemahiran sosial semasa berinteraksi dengan rakan-rakan dan bekerjasama dalam aktiviti kumpulan supaya dapat meningkatkan semangat berpasukan.

Program yang dijalankan di taman bersebelahan Muzium Nasional ini melibatkan 26 orang kanak-kanak

Tadika Bitara NCDRC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Ibu bapa turut menyediakan pelbagai juadah bagi tujuan perkelahan kanak-kanak. Kanak-kanak sangat teruja dan gembira sepanjang perkelahan berlangsung.

Menurut pengarah program, Cik Lai Xiao Yue yang merupakan pelajar diploma semester 6, program Pendidikan Awal Kanak-Kanak Sesi 2023/2024, program ini dapat menggalakkan kanak-kanak lebih mengenali alam sekitar ketika berkelah. "Kanak-kanak juga dapat menghargai alam

sekitar melalui program seperti mengutip sampah, tidak memetik tumbuh-tumbuhan serta tidak membuang sampah merata-rata", katanya lagi.

Selain perkelahan, kanak-kanak juga berpeluang menyertai aktiviti sukaneka yang menarik yang dirancang oleh guru pelatih. Aktiviti sukaneka berkonsepkan alam semulajadi turut diterapkan seperti kanak-kanak diminta untuk mencari batu, ranting kayu dan daun sebagai tiket sebelum menjamu selera.



SMK Pulau Jaya Menjejak Aspirasi Memupuk Inspirasi di UPSI

Tanjong Malim, 13 September - Majlis Anak Johor (M@JOR) UPSI telah menerima kunjungan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Jaya, Johor pada 13 September 2024 yang lalu. Kunjungan ini merupakan salah satu program lawatan sambil belajar dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah dipilih sebagai institut pendidikan tinggi pilihan bagi lawatan tersebut. Lawatan ini telah disertai oleh 40 orang murid bersama-sama dengan empat

orang guru pengiring. Sepanjang lawatan ini, ahli M@JOR telah bertanggungjawab dalam menjadi fasilitator. Kunjungan telah dimulakan dengan sesi lawatan ke Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK). Di sana, murid-murid telah dibawa untuk melihat sendiri bengkel-bengkel seni yang terdapat di UPSI. Lawatan ke fakulti ini turut memperlihatkan tempat pelajar fakulti ini menghabiskan masa dalam membuat tugasan berkaitan

subjek seni seperti arca, ukiran dan sebagainya. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Galeri Seni dan Muzium Pendidikan Nasional UPSI. Disini para murid dan guru pengiring disajikan dengan karya-karya seni dan info-info berkaitan dengan sejarah UPSI terbina. Lawatan ini telah diselsaikan pada jam 5 petang sebelum para murid dan guru pengiring SMK Pulau Jaya tersebut meneruskan perjalanan ke destinasi seterusnya.



Pertanian Bandar: Organik Keutamaan Kami – Pusat Pendidikan Hijau Padang Cempedak Meneraju Inovasi Hijau

Seberang Perai, 13 September - EduGreen@UPSI terus komited memupuk kesedaran pemuliharaan alam sekitar melalui program Pertanian Bandar: Organik Keutamaan Kami, bertempat di Pusat Pendidikan Hijau (MBSP-UPSI-URBANEST) Padang Cempedak (PPH-PC), Seberang Perai.

Program ini dihadiri oleh Datuk Bandar MBSP, YBHG Dato' Hj Baderul Amin, Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli selaku Ketua Pusat Pendidikan Hijau PPH PC juga Ketua EduGreen@UPSI, Pengarah Urusan Urbanest Sdn Bhd, wakil dari syarikat Akar Umbi Global, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah Perbandaran MBSP, kakitangan MBSP, serta masyarakat setempat.

PPH PC, hasil kerjasama strategik antara MBSP, UPSI, dan Urbanest Sdn Bhd, telah menjadi pusat

utama bagi aktiviti pertanian bandar dan pendidikan hijau.

Dengan kawasan seluas 1.4 ekar yang diperuntukkan oleh MBSP, dan disokong oleh Urbanest dalam menyediakan infrastruktur serta kepakaran bersama UPSI. PPH PC telah memberi manfaat kepada komuniti dan sekolah melalui pelbagai program yang menggalakkan pertanian lestari. Program hari ini menekankan kepentingan pertanian organik dalam menangani perubahan iklim, di samping memperkenalkan teknologi terkini dalam pertanian pintar.

PPH PC kini dilengkapi dengan sistem pertanian pintar berasaskan Internet of Things (IoT) dan kecerdasan buatan (AI), serta penggunaan sistem tenaga solar dan air bawah tanah.

Gabungan teknologi ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pertanian tetapi juga menyumbang kepada pengurangan jejak karbon melalui pengurusan sumber tenaga dan air yang lebih lestari.

Dengan pendekatan holistik terhadap sistem pertanian seperti fertigasi, hidroponik, penanaman batas, kompos dan penggunaan teknologi mesra alam seperti kitar semula serta biodiversiti, PPH PC muncul sebagai contoh cemerlang bagi usaha pemuliharaan alam sekitar.

Sistem pintar ini turut mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga konvensional, seterusnya menyumbang kepada pengurangan pelepasan karbon dioksida (CO2).

